



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Security

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.kpk.gov.my

SIARAN MEDIA

MALAYSIA DAN ARAB SAUDI BINCANGKAN KERJASAMA DUA HALA DALAM SEKTOR PERTANIAN

PUTRAJAYA, 8 MEI 2024 - Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu menerima kunjungan hormat daripada Menteri Perdagangan Arab Saudi, Tuan Yang Terutama Dr. Majid bin Abdullah Al-Kassabi pada 7 Mei 2024 di Wisma Tani, Putrajaya.

Di kalangan negara-negara Asia Barat, Arab Saudi merupakan rakan dagangan terbesar, destinasi eksport ketiga terbesar dan sumber import terbesar Malaysia. Data perdagangan pertanian bagi tahun 2023 merekodkan nilai eksport dari Malaysia ke Arab Saudi sebanyak RM2.64 bilion yang sekaligus menyumbang perdagangan positif kepada negara.

Pertemuan sulung kedua-dua pemimpin ini membincangkan kerjasama dua hala terutamanya dalam sektor pertanian, penyelidikan dan usaha untuk meningkatkan akses pasaran. YB Menteri menekankan potensi beberapa produk Malaysia untuk dieksport ke Arab Saudi seperti buah-buahan tropika iaitu buah nangka dan nanas, produk nilai tambah haiwan dan makanan haiwan (termasuk makanan haiwan berasaskan protein serangga yang diproses), produk sedia untuk dimakan (ready-to-eat), produk telur, tenusu serta produk akuatik seperti ikan patin sejuk beku.

Di samping itu, pihak MARDI menyatakan hasrat untuk menyambung kerjasama sedia ada antara MARDI dan National Research and Development Center for Sustainable Agriculture (ESTIDAMAH) terutamanya mengenai proses mengimport keratan buah naga dan sarang lebah madu.

Pada pertemuan ini juga, pihak Arab Saudi telah berkongsi inisiatif inovasi Wawasan 2030 Kerajaan Arab Saudi yang boleh dimanfaatkan oleh Malaysia terutamanya dalam bidang pertanian serta membuka peluang kerjasama baharu bagi kedua-dua negara.

Di akhir pertemuan, YB Menteri telah menjemput TYT Dr. Majid ke Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) 2024 yang dijadualkan pada 11 hingga 22 September 2024 dan turut mempelawa penyertaan pihak Arab Saudi dalam acara dwitahunan tersebut.

Hadir sama dalam pertemuan ini Ketua Setiausaha KPKM, YBhg. Datuk Lokman Hakim bin Ali; Ketua Pengarah Jabatan Pertanian, YBhg. Dato' Nor Sam binti Alwi; Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar , YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid serta pegawai-pegawai KPKM.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
8 MEI 2024